

Pengusaha kebun dikesan buang sisa sayur



MOHD. Syahbuddin Hashim (kiri) meninjau air Sungai Belatop yang tercemar di kawasan Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG: Tindakan pengusaha kebun sayur di Tanah Tinggi Lojing di sini yang bertindak membuang sisa sayur ke dalam sungai memberi kesan kepada kehidupan Orang Asli yang tinggal di kawasan berhampiran.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Galas, Mohd. Syahbuddin Hashim berkata, selain mencemarkan air sungai, sisa sayur itu juga berbau busuk sehingga menimbulkan rasa tidak senang kepada penduduk Orang Asli di situ.

Katanya, masih terdapat pengusaha sayur berdegil serta tidak menghiraukan teguran pihak berkuasa dan masyarakat Orang Asli tempatan.

“Kita melihat keadaan menjadi lebih teruk sejak kebelakangan ini hingga berlaku timbunan sisa sayur yang dibuang mencemarkan Sungai Belatop.

“Saya terpaksa bergegas ke lokasi pembuangan sisa sayur itu apabila menerima banyak aduan daripada penduduk

Orang Asli berhubung perkara itu,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Mohd. Syahbuddin berkata, walaupun air Sungai Belatop tidak lagi menjadi keperluan harian bagi penduduk kaum itu, namun kebersihan sungai harus dijaga.

“Sungai bukan tempat sesuai untuk membuang sisa sayuran. Pengusaha kebun sayuran harus bersikap lebih bertanggungjawab dan menjaga alam sekitar.

“Kita berharap Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Pengairan dan Saliran menyiasat perkara itu supaya masalah itu tidak berterusan,” katanya.

Sementara itu, seorang penduduk Orang Asli, Jaafar Harun, 47, berkata, penduduk Orang Asli percaya Sungai Belatop mengalami pencemaran serius kerana mereka sukar mendapat ikan sungai ketika ini.

Katanya, sejak lebih 30 tahun lalu, sungai Belatop menjadi lubang rezeki bagi penduduk untuk menangkap ikan seperti kelah.